

**Cadangan Langkah Cukai
Pakej Rangsangan Ekonomi
2020**

SENARAI LAMPIRAN

LANGKAH CUKAI

- LAMPIRAN 1** : Pelepasan Khas Cukai Pendapatan Individu Untuk Perbelanjaan Melancong Dalam Negara
- LAMPIRAN 2** : Penangguhan Bayaran Ansuran Cukai Pendapatan
- LAMPIRAN 3** : Kemudahan Untuk Meminda Anggaran Cukai Pendapatan
- LAMPIRAN 4** : Pengecualian Duti Setem Ke Atas Perjanjian Pinjaman Bagi Penstrukturan Semula Dan Penjadualan Semula Pinjaman Perniagaan
- LAMPIRAN 5** : Elaun Modal Dipercepatkan Ke Atas Perbelanjaan Modal Bagi Mesin Dan Peralatan Serta Peralatan ICT
- LAMPIRAN 6** : Potongan Khas Cukai Bagi Kos Pengubahsuaian Dan Baik Pulih Premis Perniagaan
- LAMPIRAN 7** : Potongan Cukai Dua Kali Ke Atas Penubuhan Pejabat Serantau Oleh Syarikat Perkapalan Antarabangsa
- LAMPIRAN 8** : Penambahbaikan Ke Atas Syarat Pembelian Barangan Bebas Cukai Bagi Mana-Mana Orang Yang Memasuki Malaysia
- LAMPIRAN 9** : Aktiviti Tambah Nilai Yang Dijalankan Di Gudang Pengilangan Berlesen (LMW) Dan Zon Perindustrian Bebas (FIZ)
- LAMPIRAN 10** : Pengecualian Duti Import Dan Cukai Jualan Ke Atas Peralatan Dan Mesin Untuk Kegunaan Di Pelabuhan
- LAMPIRAN 11** : Pengecualian Cukai Perkhidmatan Untuk Hotel

**PELEPASAN KHAS CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU UNTUK PERBELANJAAN
MELANCONG DALAM NEGARA**

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan melancong sama ada dalam atau luar negara tidak dibenarkan potongan dalam pengiraan cukai pendapatan individu.

Cadangan

Pelepasan khas cukai pendapatan sehingga RM1,000 diberi kepada individu pemastautin untuk perbelanjaan melancong dalam negara yang dilakukan dalam tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020. Perbelanjaan yang layak bagi pelepasan cukai adalah seperti berikut:

- i. Bayaran bagi penginapan di premis penginapan pelancong yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia; dan
- ii. Bayaran masuk ke pusat tarikan pelancong.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2020.

PENANGGUHAN PEMBAYARAN ANSURAN CUKAI PENDAPATAN

Kedudukan Semasa

Syarikat dikehendaki untuk mengemukakan anggaran cukai pendapatan bagi tahun taksiran berikutnya tidak kurang 30 hari daripada tarikh bermulanya tahun taksiran baharu dan anggaran cukai tersebut hendaklah tidak kurang 85% daripada anggaran cukai tahun sebelumnya.

Syarikat dikehendaki membuat bayaran cukai secara ansuran setiap bulan bermula dari bulan kedua bagi setiap tahun taksiran berdasarkan anggaran cukai pendapatan tersebut.

Cadangan

Bagi membantu pengurusan aliran tunai syarikat di dalam industri pelancongan seperti ejen pelancongan, pengendali hotel dan syarikat penerbangan, penangguhan pembayaran ansuran cukai bulanan adalah dibenarkan mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi pembayaran ansuran bulanan mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020. Permohonan penangguhan perlu dikemukakan secara atas talian kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

KEMUDAHAN UNTUK MEMINDA ANGGARAN CUKAI PENDAPATAN

Kedudukan Semasa

Syarikat dibenarkan untuk meminda anggaran cukai pendapatan pada bulan keenam dan bulan kesembilan bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan

Bagi membantu pengurusan aliran tunai, syarikat adalah dibenarkan untuk meminda anggaran cukai pendapatan yang kena dibayar pada bulan ketiga ansuran jika bulan ketiga ansuran tersebut jatuh dalam tahun 2020.

Tarikh Kuat Kuasa

Permohonan untuk meminda anggaran pada bulan ketiga ini hendaklah dikemukakan secara atas talian melalui laman sesawang rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mulai 1 Mac 2020.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS PERJANJIAN PINJAMAN BAGI
PENSTRUKTURAN SEMULA DAN PENJADUALAN SEMULA
PINJAMAN PERNIAGAAN**

Kedudukan Semasa

Duti setem dikenakan pada kadar RM10 ke atas perjanjian pinjaman bagi tujuan penstrukturan semula atau penjadualan semula pinjaman (terhad kepada pinjaman sedia ada) sekiranya perjanjian pinjaman asal telah dikenakan duti dan telah disetamkan dengan sewajarnya.

Cadangan

Sebagai fasilitasi kepada perniagaan dalam menstruktur dan menjadualkan semula pinjaman perniagaan, pengecualian duti setem 100% diberi ke atas perjanjian pinjaman di antara peminjam dan institusi kewangan tertakluk kepada syarat perjanjian pinjaman berkaitan yang asal telah disetamkan.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian penstrukturan semula dan penjadualan semula pinjaman yang disempurnakan mulai 1 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.

LAMPIRAN 5

ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN KE ATAS PERBELANJAAN MODAL BAGI MESIN DAN PERALATAN SERTA PERALATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

Kedudukan Semasa

Elaun modal di bawah Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah seperti berikut:

Jenis Aset	Elaun Permulaan	Elaun Tahunan
Jentera Berat dan Kenderaan	20%	20%
Loji dan Jentera	20%	14%
Peralatan ICT	20%	20%
Lain-lain	20%	10%

Cadangan

Bagi menggalakkan dan mempercepatkan pelaburan oleh perniagaan serta membantu aliran tunai syarikat, perbelanjaan modal ke atas mesin dan peralatan serta peralatan ICT yang dilakukan dalam tempoh mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020 diberikan layanan Elaun Modal Dipercepatkan. Elaun ini boleh dituntut dalam tempoh dua tahun seperti berikut:

- i. Elaun permulaan 20%; dan
- ii. Elaun tahunan 40%.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020.

**POTONGAN KHAS CUKAI BAGI KOS PENGUBAHSUAIAN DAN BAIK PULIH
PREMIS PERNIAGAAN**

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan pengubahsuaian dan pembaharuan premis perniagaan tidak dibenarkan sebagai potongan cukai.

Cadangan

Perniagaan yang melakukan pengubahsuaian dan pembaharuan premis bagi tujuan perniagaan adalah diberikan potongan cukai ke atas perbelanjaan yang layak yang dilakukan ke atas premis perniagaannya terhad kepada RM300,000.

Potongan cukai ini tidak terpakai sekiranya perbelanjaan tersebut telah dituntut sebagai elaun modal di bawah Jadual 2 atau Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perbelanjaan yang dibuat mulai 1 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.

**POTONGAN CUKAI DUA KALI KE ATAS PENUBUHAN PEJABAT SERANTAU
OLEH SYARIKAT PERKAPALAN ANTARABANGSA**

Kedudukan Semasa

Kos perbelanjaan pra-permulaan perniagaan secara amnya tidak dibenarkan potongan cukai.

Cadangan

Bagi menggalakkan penubuhan pejabat serantau syarikat perkapalan antarabangsa di Malaysia, perbelanjaan pra-permulaan perniagaan ini diberikan potongan cukai dua kali.

Tarikh Kuat Kuasa

Permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) tidak lewat dari 31 Disember 2021.

**PENAMBAHBAIKAN KE ATAS SYARAT PEMBELIAN BARANGAN BEBAS CUKAI
BAGI MANA-MANA ORANG YANG MEMASUKI MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Mana-mana pelancong asing yang berhasrat memasuki dan berada di Malaysia bagi tempoh tidak kurang daripada 72 jam atau individu rakyat Malaysia yang memasuki Malaysia setelah berada di luar negara melebihi 72 jam diberi kemudahan untuk membeli barangan yang dikecualikan cukai tertakluk kepada had dan nilai ambang tertentu.

Cadangan

Syarat bagi kemudahan pembelian barangan bebas cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa di Malaysia dikaji semula seperti berikut:

- i. Syarat tempoh kelayakan bagi pembelian barangan bebas cukai dikurangkan daripada 72 jam kepada 48 jam; dan
- ii. Nilai ambang barangan bebas cukai dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000. Had nilai ambang ini adalah bagi barang selain daripada barang yang telah sedia layak mendapat pengecualian cukai mengikut had yang ditetapkan seperti minuman keras, rokok, pakaian, kasut, makanan dan barangan elektrik penjagaan diri.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 April 2020.

AKTIVITI TAMBAH NILAI YANG DIJALANKAN DI GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (LMW) DAN ZON PERINDUSTRIAN BEBAS (FIZ)

Kedudukan Semasa

Kemudahan Gudang Pengilangan Berlesen (*Licensed Manufacturing Warehouse* - LMW) dan Zon Perindustrian Bebas (*Free Industrial Zone* - FIZ) diwujudkan bagi membolehkan pengilang yang layak menikmati pengecualian duti/cukai ke atas mesin dan peralatan serta bahan mentah bagi keluaran siap.

Pengilang yang diluluskan lesen LMW atau beroperasi di FIZ adalah tertakluk kepada syarat menjalankan aktiviti pengilangan sebagai mana takrifan pengilangan di bawah Seksyen 2, Akta Kastam 1967 dan Seksyen 2, Akta Zon Bebas 1990.

Aktiviti bukan pengilangan (*value-added activity*) di bawah dibenarkan untuk dijalankan di LMW dan FIZ adalah seperti berikut:

Aktiviti Tambah Nilai	Kelulusan
a. Penyelidikan dan pembangunan (<i>R&D</i>) b. Rekabentuk c. Pemasaran (bagi syarikat berstatus <i>International Procurement Centre – IPC</i>) d. Pengagihan (bagi syarikat berstatus <i>Regional Distribution Centre - RDC</i>) e. Kawalan mutu f. Pengujian dan Pentauliahan (<i>testing and commissioning</i>) termasuk Penentukuran dan Konfigurasi (<i>calibration and configuration</i>) g. Pelabelan dan pembungkusan	Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Pengilangan Semula, Pembaikan dan Perkhidmatan Servis (<i>Remanufacturing, Repairing and Servicing</i>)	Kementerian Kewangan

Cadangan

- i. Skop aktiviti tambah nilai yang dibenarkan diperluaskan kepada Pengurusan Rantai Bekalan, Operasi Perolehan Strategik dan Penyelesaian Sokongan Menyeluruh (*Supply Chain Management, Strategic Procurement Operation and Total Support Solutions*); dan

- ii. Proses kelulusan bagi semua aktiviti tambah nilai yang dijalankan oleh pengilang di LMW dan FIZ diselaraskan dan diluluskan di peringkat JKDM Negeri/ Zon sahaja.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 April 2020.

PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PERALATAN DAN MESIN UNTUK KEGUNAAN DI PELABUHAN

Kedudukan Semasa

Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan dan mesin diberikan kepada pengendali pelabuhan yang telah diluluskan sebagai Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan (PPL). Pengendali pelabuhan yang telah tamat tempoh galakan cukai di bawah PPL tidak diberi pengecualian duti/cukai.

Cadangan

Bagi menyokong pelaburan berterusan oleh pengendali pelabuhan yang telah tamat tempoh PPL, pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas pengimportan dan pembelian tempatan mesin dan peralatan untuk kegunaan pelabuhan tertakluk kepada kriteria berikut:

- i. Mesin dan peralatan adalah asasi dan digunakan secara langsung dalam operasi pelabuhan; dan
- ii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ini tidak layak bagi peralatan alat ganti dan bahan guna habis termasuk yang digunakan untuk tujuan penyelenggaraan.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang dikemukakan ke Kementerian Kewangan mulai 1 April 2020 hingga 31 Mac 2023.

PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK HOTEL

Kedudukan Semasa

Perkhidmatan penginapan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan yang disediakan oleh pengendali premis penginapan termasuk hotel, rumah tumpangan, rumah penginapan, pangsapuri servis, rumah inapan dan mana-mana establismen lain yang diperuntukkan di bawah Kumpulan A, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah merupakan perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada kenaaan cukai perkhidmatan.

Cadangan

Pengecualian dari membayar cukai perkhidmatan diberikan kepada mana-mana orang yang menginap atau memperolehi apa-apa perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh pengendali premis penginapan.

Selaras dengan ini, pengendali premis penginapan diberi pengecualian dari mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan yang disediakan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020.